

04/11/2000

Mahathir intip ahli Parlimen

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) yang tidak hadir di Dewan Rakyat atau hadir tetapi jarang menyertai perbahasan, kini harus lebih berwaspada.

Ini kerana tingkah laku mereka itu boleh diikuti dari pejabat Perdana Menteri di Putrajaya walaupun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mungkin tidak berada di Dewan Rakyat ketika itu.

Dr Mahathir, yang kecewa dengan kehadiran sesetengah ahli Parlimen BN di Dewan Rakyat berkata, beliau kini boleh melihat kehadiran mereka secara langsung dari Putrajaya.

"Saya kini boleh melihat perbahasan itu kerana ia telah dihubungkan ke pejabat saya. Dengan itu saya boleh melihatnya dari pejabat saya di Putrajaya.

"Saya boleh meninjau ke dalam dewan dan melihat siapa yang bercakap dan siapa yang tidak bercakap. Saya juga tahu bila Dewan kosong," katanya mengulas laporan mengenai kehadiran anggota Parlimen di Dewan Rakyat.

Akhbar New Straits Times hari ini melaporkan Kabinet mengambil perhatian bahawa sesetengah ahli Parlimen BN tidak pun hadir di Dewan Rakyat untuk bertanyakan soalan yang sudah dikemukakan secara bertulis.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga whip BN, mengeluarkan pekeliling mengenai perkara itu dan memberitahu ahli Parlimen supaya tidak ponteng dan menjalankan tugas mereka dengan bertanggungjawab.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan perayaan jubli emas Rida-Mara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini, Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata beliau sudah memberi amaran kepada ahli Parlimen berkenaan mengenai tanggungjawab mereka menghadiri persidangan Dewan Rakyat.

"Saya memang kecewa dengan kehadiran mereka. Saya sudah memberi amaran kepada mereka, jadi saya sedang mengambil perhatian," katanya.

Ketika mesyuarat pra-persidangan bagi ahli Parlimen BN pada 16 Oktober lalu, Dr Mahathir berkata wakil rakyat BN yang sering kali tidak menghadiri sesi Dewan Rakyat, mungkin diketepikan daripada barisan calon pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri membuat teguran itu berikutan masalah tidak cukup korum yang sering kali dialami di Dewan Rakyat, apabila jumlah wakil rakyat tidak mencukupi untuk meneruskan persidangan.

(END)